

Headline	WiWi dikomersialkan seluruh negara tahun depan		
Date	25. Nov 2008	Language	MALAY
Media Title	Utusan Malaysia	Page No	20
Section	Ekonomi	Article Size	223 cm2
Circulation	238082	Frequency	Daily
Readership	833287	Color	Full Color
		AdValue	6858.25



WiWi dikomersialkan seluruh negara tahun depan

PORT DICKSON 24 Nov. - WiWi, teknologi gabungan WiMax dan WiFi generasi 1.5 yang dibangunkan Mimos Bhd. sedia untuk dikomersialkan ke seluruh negara bermula penggal ke empat tahun hadapan, kata Presiden dan Ketua Eksekutifnya, Datuk Abdul Wahab Abdullah.

WiWi, yang dibangunkan sejak dua tahun lepas di bawah makmal Komunikasi Wayarles MIMOS, boleh digunakan bagi mengatasi masalah isu sambungan komunikasi yang banyak berlaku di kawasan yang kurang mendapat liputan seperti di kawasan luar bandar (zon tiga).

Katanya, WiWi juga mampu menyelesaikan masalah gangguan antara dua gelombang (frekuensi) antara WiFi 2.4 GHz dan WiMax 2.3 GHz yang digunakan di dalam negara.

Menurut Abdul Wahab, sebe-

lum diberikan kepada peserta tempatan untuk dikomersialkan, WiWi akan menjalani dua peringkat percubaan bermula penggal pertama tahun hadapan.

Peringkat pertama, di mana Mimos akan memantau cara prestasi WiWi yang akan dikendalikan oleh ISP (penyedia perkhidmatan internet) yang telah dipilih dan peringkat kedua, dimana kawasan rangkaian pelaksanaan akan diperluaskan tetapi masih di dalam kawasan yang sama.

Dua ISP telah dikenal pasti sebagai penerima teknologi itu, kata Abdul Wahab.

"Kawasan yang kita kenal pasti adalah seperti di Kota Marudu manakala tempat kedua dan ketiga sedang kenal pasti. Kita pun sudah berbincang dengan bebera-

pa pihak untuk kita gembeleng di Kepada Batas, Pulau Pinang dan di Pekan, Pahang.

"Kalau kita lihat WiWi yang kita bangunkan, ia akan lebih menumpukan kepada kawasan luar bandar dan penduduk kampung sebab itu kalau kita lihat zon tiga, ia tidak diperhatikan oleh ISP dan syarikat telekomunikasi (telco) sebab itu Mimos ambil inisiatif ini untuk kita bangunkan ekonomi desa," katanya kepada pemberita di luar tapak media MIMOS baru-baru ini.

Menurut Abdul Wahab, bagi melengkapkan penyelesaian komunikasi di kawasan zon tiga, MIMOS akan turut memperkenalkan komputer kos rendah ciptaannya, Jen-ii semasa sesi percubaan pada penggal pertama tahun hadapan di tiga kawasan yang

telah dipilih itu.

"Kita akan keluaran bersama-sama dengan WiWi sebab kita mahu satukan. Kalau ada talian sahaja tapi tiada peranti, tidak akan ada sambungan juga. Sebab itu kita mahu satukan kedua-duanya," kata Wahab.

Jen-ii telah dicipta bagi membantu mereka yang tidak mempunyai kemahiran IT, di mana peranti mudah itu hanya menggunakan butang atau skrin sesentuh bagi melayari internet, katanya.

Menurut Abdul Wahab, pusat penyelidikan dan pembangunan teknologi negara itu juga telah berjaya mencipta prototaip komputer perubatan yang digunakan di pergelangan tangan menggunakan platform teknologi Semantic.

Katanya, MIMOS sedang bekerja sama dengan dua peserta industri tempatan, iaitu In-Fusion Sdn. Bhd. dan Infovalley Sdn. Bhd. dan

mengkomersialkan produk itu.

Selain itu, katanya, MIMOS juga sedang berusaha bagi meluaskan penggunaan platform Semantic kepada industri yang lain seperti pertanian, pendidikan dan perbankan.

"Kini, kira-kira 79 buah syarikat mahu menggunakan teknologi kami. Lebih daripada 50 peratus mahukan Semantic sebagai penyelesaian masing-masing.

"Kira-kira 10 buah syarikat telah hampir memulakan pembangunan masing-masing. Mereka telah menyediakan tenaga kerja masing-masing untuk memulakan pembangunan mereka," katanya.

Beliau berkata, lebih kurang 20 syarikat sedang melaksanakan latihan bersama MIMOS sebelum memulakan pembangunan teknologi itu.

- Bernama

